

NO. SOALAN: 64

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

TARIKH : 2 APRIL 2015 [KHAMIS]

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan bagi menjelaskan bahawa manusia dicipta oleh Allah SWT pelbagai bangsa dan suku kaum supaya saling berkenalan (al-Quran, 49:13), dan pelbagai warna kulit (al-Quran) sebagai suatu kurniaan Allah SWT dan bukan punca perpecahan dan permusuhan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia merupakan adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum, budaya dan agama. Justeru itu kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional serta pelbagai kementerian/agensinya telah mengambil

langkah bagi menggembeleng usaha-usaha ke arah mewujudkan perpaduan melalui beberapa pendekatan antaranya;

- i. Integrasi Pendidikan. Dasar pendidikan telah diseragamkan dan disesuaikan bagi memenuhi semua keperluan kaum di Malaysia;
- ii. Dasar Budaya kebangsaan. Diperkenalkan bagi menjadi garis panduan dalam membentuk, mewujudkan dan mengekalkan identiti negara;
- iii. Wawasan 2020 antara lain bertujuan menjadikan negara sebagai sebuah negara maju dan negara industri. Dasar ini juga menekankan menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang penyayang;
- iv. Gagasan 1Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2009 dan salah satu matlamatnya untuk mengekalkan perpaduan antara kaum dan merupakan wadah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu membantu negara ke arah mencapai Wawasan 2020; dan
- v. Kerajaan memperkenalkan konsep Wasatiyyah yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang sebagai pemangkin kepada Gagasan 1 Malaysia. Konsep ini selaras dengan wawasan kepimpinan negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan resam budaya. Konsep Wasatiyyah

adalah pendekatan yang tidak bersifat keterlaluan atau melampau, tetapi tidak pula terlalu longgar atau terlalu mengambil ringan dalam sesuatu perkara.

Di samping usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan secara menyeluruh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebuah agensi pusat sentiasa menganjurkan seminar, muzakarah dan perbincangan melibatkan Ulama, Umara', ahli akademik dan NGO Islam dalam usaha membincangkan hal yang berkaitan dengan perpaduan dan permasalahan masyarakat Islam di Malaysia. Pelbagai program Dakwah Bil Hal juga dilaksanakan kepada semua lapisan masyarakat termasuklah kepada orang asli dan masyarakat bukan Islam. Selain itu, sesuai dengan dunia maya tanpa sempadan, aktiviti dakwah juga diaplikasikan melalui media massa, media elektronik dan melalui laman sesawang seperti facebook dan laman web.

Untuk memantapkan kefahaman nilai nilai murni dalam masyarakat dan penjawat awam, maka Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan pendekatan Wasatiyyah telah diwujudkan supaya usaha dakwah ini dapat disampaikan kepada rakyat di Malaysia secara menyeluruh dan konsisten. Semua dasar tersebut adalah saling berkesinambungan dan lengkap-melengkapi antara satu dengan yang lain untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup ke arah menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara sesuai dengan tuntutan semasa.

Sekian, terima kasih.